



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
KERJA PEROLEHAN HIJAU JKR
MALAYSIA (JKPH) BIL.2/2016
PADA 10 OGOS 2016**

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA PEROLEHAN HIJAU JKR
MALAYSIA (JKPH) BIL.2/2016 PADA 10 OGOS 2016**

TARIKH : 10 OGOS 2016
MASA : 2.30 petang
**TEMPAT : Bilik Gerakan Tingkat 14, Menara T.I.M.A, No. 25, Jalan Raja Laut
50582 Kuala Lumpur**

SENARAI KEDATANGAN

<u>Bil.</u>	<u>Nama</u>	<u>Gred</u>	<u>Cawangan</u>
1.	YBhg. Sr. Ratna Bt. Hj Mahyuddin (Pengerusi)	Jusa B	CKUB
2.	Pn. Maselawati Bt. Shamsuddin	J54	CKUB
3.	Pn. Monaliza Bt. Mohd Hassan	J52	CASKT
4.	Pn. Suzanna Bt Punari	J52	CASKT
5.	Pn. Hasnita Bt. Ahmad	J52	CKUB
6.	Ar. Thulasaidas Sivasubramaniam	J52	CA
7.	Pn. Roslina Bt. Ahmad	J48	CKUB
8.	En. Yuvabalan A/L Govindasamy	J48	CASKT
9.	En. Ahmad Khairul B. Shahibi	J48	CKC
10.	En. Zaizul Hisham B. Zainol	J48	CKG
11.	Ir. Abdul Muiez B. Abdullah	J44	CASKT
12.	Ar. Siti Mazlina Bt Zarmani	J44	CASKT
13.	En. Jumaat B. Roslan	M44	BK, KKR
14.	Pn. Suzana Bt. Zakaria	J41	CKUB
15.	Pn. Siti Asza Shahiza Bt Mohd Shari'af	J41	CASKT
16.	Pn. Wan Nadia Bt. Kamarudin	Associate	MGTC
17.	Pn. Siti Fatimah Bt. Noor Saidin	Analyst	MGTC

**a) Pembinaan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan Hospitaliti dan
Alam Sekitar UUM Colgis – Universiti Utara Malaysia**

<u>Bil.</u>	<u>Nama</u>	<u>Gred</u>	<u>Peranan</u>
18.	En. Amran B. Mohd Nor	J54	HOPT
19.	En. Mohammad Fauzi B. Ariffin	J48	HODT-Senibina
20.	Pn. Haslina Binti Salim	J48	HODT-Awam
21.	Pn. NajwaJuaini Azmi	J44	HOPT
22.	Pn. Naziawaty Binti Ahmad	J41	HODT-Senibina
23.	En. Varatharajoo Munusamy	J41	HODT
24.	En. Mohammad Zhafran bin Zainal	J41	HODT- Mekanikal

**b) UPSI – Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional di Kampus UPSI
Teluk Intan (Fasa 2 – Bangunan)**

<u>Bil.</u>	<u>Nama</u>	<u>Gred</u>	<u>Peranan</u>
25.	Sr. Md Fauzi B Md Rejab	J54	HOPT
26.	Pn. Aiedah Bt Mohd Nadzri	J48	HODT- Kerja Luar Bangunan
27.	En. Choong Jeng Haw	J44	HOPT
28.	En. Abdul Wahab Aziz	J38	HODT- Pendidikan
29.	En. Abdul Latif B. Ishak	JA29	HODT- Mekanikal

**c) Menaiktaraf Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (PLKPM)
Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan (Fasa 2)**

<u>Bil.</u>	<u>Nama</u>	<u>Gred</u>	<u>Peranan</u>
30.	Ir. Nor Azman bin Ismail	J54	HODT-Struktur
31.	Ir. Gopal Narian Kutty	J54	HODT- Mekanikal
32.	Ir. Hanizan Bt. SHaffii	J54	HODT-Elektrik
33.	Pn. Wan Hidayatul Hak bt Wan Jusoh	J48	HODT-Awam
34.	Pn. Nor Isdawati	J44	HODT-Elektrik
35.	En. M. Fahmi Ikhwan	J44	HODT-Arkitek

NO	PERKARA-PERKARA BERKAITAN YANG DIBINCANGKAN	TINDAKAN
1	<u>UCAPAN PENERUS</u> Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir. Pengerusi mengesahkan minit mesyuarat Jawatankuasa Kerja Perolehan Hijau JKR Malaysia (JKPH) Bil.1/2016 tanpa sebarang pindaan.	MAKLUMAN
2	<u>TAKLIMAT GGP DARIPADA MALAYSIAN GREEN TECHNOLOGY CORPORATION (GREENTECH MALAYSIA)</u>	
2.1	Wakil dari Greentech Malaysia iaitu Puan Wan Nadia Kamarudin memulakan pembentangan dengan memperkenalkan GreenTech Malaysia kepada ahli mesyuarat. Pusat Tenaga Malaysia telah ditubuhkan oleh KeTTHA dan telah distruktur semula pada 2010 dengan nama Malaysian Green Technology Corporation, <i>GreenTech Malaysia</i> (MGTC) iaitu sebuah syarikat swasta yang bertindak sebagai pemangkin penggunaan Teknologi Hijau di Malaysia.	MAKLUMAN
2.2	Peranan <i>GreenTech Malaysia</i> antaranya adalah membantu KeTTHA dan kementerian-kementerian lain dalam merealisasikan pertumbuhan hijau dan mempromosikan Teknologi Hijau melalui Perolehan Hijau Kerajaan. Antara peranan-peranan lain <i>GreenTech Malaysia</i> adalah:- i. melaksanakan program pembangunan usahawan dalam mendapatkan pensijilan produk-produk mesra alam sekitar, ii. membantu dalam meningkatkan kemahiran dan kompetensi pegawai kerajaan dalam aplikasi Teknologi Hijau, iii. mengkaji penggubalan dasar dan kerangka kewangan bagi mempromosikan pertumbuhan Teknologi Hijau dan iv. mempromosi dan mewujudkan kesedaran dalam Teknologi Hijau.	MAKLUMAN
2.3	Mesyuarat turut diperkenalkan dengan bangunan <i>Green Energy Office</i> (GEO) yang terletak di Bandar Baru Bangi yang telah mendapat pengiktirafan bangunan hijau dengan Indeks Tenaga Bangunan sebanyak 30kWh/m²/tahun.	MAKLUMAN
2.4	Mesyuarat dimaklumkan mengenai Dasar Teknologi Hijau Negara yang telah diperkenalkan sejak tahun 2009 dengan objektif untuk menjadikan Teknologi Hijau sebagai pemangkin untuk memacu ekonomi dan mempromosi pembangunan mapan. Dasar ini dibahagikan kepada tiga sasaran iaitu Sasaran Jangkamasa Pendek, Sasaran Jangkamasa Sederhana dan Sasaran Jangkamasa Panjang. Sasaran Jangkamasa Pendek telah dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia ke-10 dan Sasaran Jangkamasa Sederhana sedang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia ke-11 dan Sasaran Jangkamasa Panjang akan dilaksanakan pada Rancangan Malaysia ke-12 dan berikutnya.	MAKLUMAN

NO	PERKARA-PERKARA BERKAITAN YANG DIBINCANGKAN	TINDAKAN
2.5	Di dalam Rancangan Malaysia ke-11, Teras Strategik 4, Bab 6 iaitu Mencapai Pertumbuhan Hijau untuk Kemampanan dan Daya Tahan melalui:- i. pengukuhan persekitaran hijau untuk pertumbuhan hijau, ii. memulihara sumber semula jadi untuk generasi kini dan masa depan, iii. memperkukuh daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana alam, dan; iv. mengamalkan penggunaan dan penghasilan mampan, Walaupun bagaimanapun, penekanan diletakkan pada bidang fokus keempat iaitu analisis kitaran hayat perlu diambil kira dalam penghasilan sesuatu produk, bermula dari pengekstrakan bahan mentah, penghasilan, pemasaran sehingga pelupusan produk. Oleh itu, kerajaan telah menetapkan pelaksanaan pengamalan produk hijau perlu dilaksanakan di sektor kerajaan terlebih dahulu sebelum dipanjangkan kepada sektor swasta. Sasaran pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11 adalah untuk mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau sebanyak 40% berbanding <i>baseline</i> pada tahun 2005.	MAKLUMAN
2.6	Mesyuarat turut diperkenalkan kepada Program MyHijau iaitu program yang membantu pengguna dan pengeluar mengenalpasti produk-produk yang mendapat pengiktirafan MyHijau Mark. MyHijau Mark merupakan logo yang dikeluarkan untuk menyatukan pensijilan hijau tempatan dan antarabangsa serta melambangkan pematuhan kepada piawai alam sekitar global. <i>GreenTech Malaysia</i> juga telah menyediakan direktori untuk membantu mengenalpasti produk-produk hijau yang telah berada di pasaran dengan melayari laman sesawang www.greendirectory.my	MAKLUMAN
2.7	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa Perolehan Hijau Kerajaan telah dilaksanakan sejak 2009 di bawah Jawatankuasa Pemandu Perolehan Hijau Kerajaan dengan pengerusi bersama Kementerian Kewangan dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Garis Panduan Perolehan Hijau Kerajaan juga telah diedarkan dengan menyenaraikan garis panduan berhubung kriteria khusus enam (6) kumpulan produk GGP iaitu perkhidmatan pembersihan, peralatan ICT, lampu dalaman cekap tenaga, kertas, cat/saduran dan simen gentian.	MAKLUMAN
3	<u>Pengenalan kepada Tiga (3) Projek Perintis GGP dan Pasukan Projek</u>	
3.1	<u>Pembinaan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan Hospitaliti dan Alam Sekitar UUM Colgis – Universiti Utara Malaysia:</u> Senarai Pasukan Projek (1) adalah seperti di <u>Lampiran A</u>	MAKLUMAN

NO	PERKARA-PERKARA BERKAITAN YANG DIBINCANGKAN	TINDAKAN																
3.2	UPSI – Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional di Kampus UPSI Teluk Intan (Fasa 2 – Bangunan) Senarai Pasukan Projek (2) adalah seperti di <u>Lampiran B</u>	MAKLUMAN																
3.3	<u>Menaiktaraf Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (PLKPM) Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan (Fasa 2)</u> Senarai Pasukan Projek (3) adalah seperti di <u>Lampiran C</u> Projek (1) adalah merupakan projek yang didaftarkan dengan Penarafan Hijau (pH) JKR, manakala projek (2) dan (3) adalah projek yang didaftarkan MyCrest.	MAKLUMAN																
4	<u>PERBINCANGAN STATUS SEMASA DAN JADUAL KERJA PROJEK PERINTIS GGP</u>	MAKLUMAN																
4.1	Mesyuarat dimaklumkan mengenai cadangan halatuju pelaksanaan projek perintis GGP oleh wakil <i>GreenTech Malaysia</i> seperti berikut:- <table><tr><th>TARIKH</th><th>PERKARA</th></tr><tr><td>13 Jun 2016</td><td>Mesyuarat penetapan projek perintis GGP Perolehan kerja</td></tr><tr><td>5 Ogos 2016</td><td>Sesi Taklimat berkenaan Penarafan Hijau (pH) JKR kepada Pasukan Projek. Peserta adalah terdiri daripada Urusetia dan ahli JKK GGP (dinamakan), MGTC dan Pasukan Projek.</td></tr><tr><td>10 Ogos 2016</td><td>Mesyuarat Jawatankuasa Kerja GGP Bil.2/2016 Peringkat JKR</td></tr><tr><td>29 Ogos 2016</td><td>Bengkel penetapan komponen produk GGP dan implikasi kos menggunakan pH JKR untuk Projek Perintis (1). Peserta adalah terdiri daripada Urusetia dan ahli JKK GGP(dinamakan),MGTC dan EPU.</td></tr><tr><td>September</td><td>Sesi Taklimat berkenaan MyCREST kepada Pasukan Projek (2) & (3). Peserta adalah terdiri daripada Urusetia dan ahli JKK GGP (dinamakan), MGTC dan Pasukan Projek</td></tr><tr><td>Sebelum projek ditender</td><td>Bengkel penetapan komponen produk GGP dan implikasi kos menggunakan MyCREST untuk Projek Perintis(2) & (3). Peserta adalah terdiri daripada Urusetia dan ahli JKK GGP(dinamakan), MGTC dan EPU.</td></tr><tr><td>Setelah projek ditender dan setelah penilaian pH/MyCREST dilaksanakan</td><td>Penilaian GGP dan penentuan kumpulan produk merujuk kepada setiap Projek Perintis(1), (2) & (3). Peserta adalah terdiri daripada Urusetia dan ahli JKK GGP(dinamakan) dan wakil HOPT Pasukan Projek.</td></tr></table>		TARIKH	PERKARA	13 Jun 2016	Mesyuarat penetapan projek perintis GGP Perolehan kerja	5 Ogos 2016	Sesi Taklimat berkenaan Penarafan Hijau (pH) JKR kepada Pasukan Projek. Peserta adalah terdiri daripada Urusetia dan ahli JKK GGP (dinamakan), MGTC dan Pasukan Projek.	10 Ogos 2016	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja GGP Bil.2/2016 Peringkat JKR	29 Ogos 2016	Bengkel penetapan komponen produk GGP dan implikasi kos menggunakan pH JKR untuk Projek Perintis (1). Peserta adalah terdiri daripada Urusetia dan ahli JKK GGP(dinamakan),MGTC dan EPU.	September	Sesi Taklimat berkenaan MyCREST kepada Pasukan Projek (2) & (3). Peserta adalah terdiri daripada Urusetia dan ahli JKK GGP (dinamakan), MGTC dan Pasukan Projek	Sebelum projek ditender	Bengkel penetapan komponen produk GGP dan implikasi kos menggunakan MyCREST untuk Projek Perintis(2) & (3). Peserta adalah terdiri daripada Urusetia dan ahli JKK GGP(dinamakan), MGTC dan EPU.	Setelah projek ditender dan setelah penilaian pH/MyCREST dilaksanakan	Penilaian GGP dan penentuan kumpulan produk merujuk kepada setiap Projek Perintis(1), (2) & (3). Peserta adalah terdiri daripada Urusetia dan ahli JKK GGP(dinamakan) dan wakil HOPT Pasukan Projek.
TARIKH	PERKARA																	
13 Jun 2016	Mesyuarat penetapan projek perintis GGP Perolehan kerja																	
5 Ogos 2016	Sesi Taklimat berkenaan Penarafan Hijau (pH) JKR kepada Pasukan Projek. Peserta adalah terdiri daripada Urusetia dan ahli JKK GGP (dinamakan), MGTC dan Pasukan Projek.																	
10 Ogos 2016	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja GGP Bil.2/2016 Peringkat JKR																	
29 Ogos 2016	Bengkel penetapan komponen produk GGP dan implikasi kos menggunakan pH JKR untuk Projek Perintis (1). Peserta adalah terdiri daripada Urusetia dan ahli JKK GGP(dinamakan),MGTC dan EPU.																	
September	Sesi Taklimat berkenaan MyCREST kepada Pasukan Projek (2) & (3). Peserta adalah terdiri daripada Urusetia dan ahli JKK GGP (dinamakan), MGTC dan Pasukan Projek																	
Sebelum projek ditender	Bengkel penetapan komponen produk GGP dan implikasi kos menggunakan MyCREST untuk Projek Perintis(2) & (3). Peserta adalah terdiri daripada Urusetia dan ahli JKK GGP(dinamakan), MGTC dan EPU.																	
Setelah projek ditender dan setelah penilaian pH/MyCREST dilaksanakan	Penilaian GGP dan penentuan kumpulan produk merujuk kepada setiap Projek Perintis(1), (2) & (3). Peserta adalah terdiri daripada Urusetia dan ahli JKK GGP(dinamakan) dan wakil HOPT Pasukan Projek.																	

NO	PERKARA-PERKARA BERKAITAN YANG DIBINCANGKAN	TINDAKAN
5	<u>HAL-HAL LAIN</u>	
5.1	Mesyuarat mengambil maklum bahawa urusetia akan mengadakan dua bengkel berasingan bagi projek-projek perintis GGP yang telah didaftarkan kepada 2 sistem penilaian Hijau yang berbeza iaitu Penarafan Hijau (pH) JKR dan myCREST untuk membincangkan produk-produk yang akan digunakan dalam pelaksanaan projek-projek tersebut.	URUSETIA
5.2	Pengerusi meminta agar pihak HOPT projek dan cawangan mengemukakan nama wakil tetap dan wakil ganti untuk dinamakan sebagai ahli bagi mesyuarat Jawatankuasa Kerja Perolehan Hijau (JKPH) JKR kepada urusetia.	HOPT/ URUSETIA
5.3	Mesyuarat mengambil maklum bahawa KPI KSU mensasarkan menjelang tahun 2020, KKR mampu mendapatkan satu (1) projek dengan pengiktirafan lima (5) bintang, dua (2) projek dengan pengiktirafan empat (4) bintang, dan dua puluh dua (22) projek dengan pengiktirafan tiga (3) bintang.	MAKLUMAN
6	<u>PENUTUP</u> Mesyuarat ditangguhkan pada 4.20 petang dengan ucapan terima kasih.	

LAMPIRAN A

Senarai Pasukan Projek (1) Pembinaan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan Hospitaliti dan
Alam Sekitar UUM Colgis – Universiti Utara Malaysia

Bil	Nama Pegawai	Jawatan/Gred	Cawangan	Peranan
1.	Amran Bin Mohd Nor	KPPK, J54	Caw. Kerja Pendidikan	HOPT
2.	Abu Bakar Bin Ishak	PPK, J48	Caw. Kerja Pendidikan	HOPT
3.	Ab. Rashid Bin Abdullah	KPPK, J54	Caw. Arkitek	HODT-Senibina
4.	Naziawaty Binti Ahmad	PP, J41	Caw. Arkitek	HODT-Senibina
5.	Ahmad Rosli B. Abdul Rahman	KPPK, J54	CKAS	HODT-Struktur
6.	Ir Azhari Bin Shahrudin	KPPK, J54	CKAS	HODT-Kerja Luar Bangunan
7.	Ir. Mamat Rohizan Abdullah	Jurutera Mekanikal Penguasa Kanan, J54	CKM	HODT-Mekanikal & Bekalan Air Dalam dan Sanitari
8.	Ismail Bin Hashim	KPPK, J54	CKE	HODT-Elektrikal
9.	Sr. Izhar Bin Idrus	KPPK, J54	CKUB	HODT-Ukur Bahan

LAMPIRAN B

Senarai Pasukan Projek (2) UPSI – Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional di Kampus UPSI Teluk
Intan (Fasa 2 – Bangunan)

Bil	Nama Pegawai	Jawatan/Gred	Cawangan	Peranan
1.	Sr. Md Fauzi B Md Rejab	KPPK, J54	Caw. Kerja Pendidikan	HOPT
2.	Mariani Noor Suhud	Pengarah, Jusa C	Caw. Arkitek	HODT-Senibina
3.	Muhammad Fisol Bin Osman	PPK, J48	Caw. Arkitek	HODT-Senibina
4.	Ir. Abdul Hadi Bin Abdul Aziz	KPP, J52	Caw. Kejuruteraan Geoteknik	HODT-Geoteknik
5.	Ir. Azhari bin Shahrudin	KPPK, J54	CKAS	HODT-Kerja Luar Bangunan
6.	Ir. Mamat Rohizan Abdullah	Jurutera Mekanikal Penguasa Kanan, J54	CKM	HODT-Mekanikal & Bekalan Air Dalam dan Sanitari
7.	Ismail Bin Hashim	KPPK, J54	CKE	HODT-Elektrikal
8.	Sr. Izhar Bin Idrus	KPPK, J54	CKUB	HODT-Ukur Bahan
9.	Noor Hafiza Dahalim	PPK, J48	CASKT	HODT-Alam Sekitar

LAMPIRAN C

Senarai Pasukan Projek (3) Menaiktaraf Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (PLKPM)
Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan (Fasa 2)

Bil	Nama Pegawai	Jawatan/Gred	Peranan
1.	Samini Binti Omar	CKBA 1	HOPT
2.	Isnail Badril Bin Ismail	CKBA 1	HOPT
3.	Zamhuri Bin Ramli / Azmi Bin Wahab	Caw. Arkitek	HODT-Arkitek
4.	Ar. Zuhairi bin Manaf	Caw. Arkitek	HODT-Arkitek
5.	Ir. Abdul Hadi Bin Abdul Aziz	Caw. Kejuruteraan Geoteknik	HODT-Geoteknik
6.	Ir. Nor Azman Bin Ismail	CKAS-Struktur	HODT-Struktur
7.	Aida Amalina Bt. Abdullah	CKAS-Struktur	HODT-Struktur
8.	Chow Wah	CKAS-Awam	HODT-Awam
9.	Wan Hidayatul Hak Bt. Wan Jusoh	CKAS-Awam	HODT-Awam
10.	Ir. Gopal Narian Kutty	CKM	HODT-Mekanikal
11.	Mohd Nazira Bin Mohd Nasir	CKM	HODT-Mekanikal
12.	Ir. Hanizan Bt. Shaffii	CKE	HODT-Elektrikal
13.	Zularifin Bin Sejo	CKE	HODT-Elektrikal
14.	Roselawati Bt. Abdul Kadir	CKUB	HODT-Ukur Bahan
15.	Hasnita Bt Ahmad	CKUB	HODT-Ukur Bahan
16.	Roswirza Binti Mat Hassan	CASKT	HODT-Alam Sekitar

Disediakan oleh :



Siti Asza Shahiza binti Mohd Shari'af
Penolong Pengarah,
Bahagian Pakar, CAST

Disemak oleh :



Monaliza binti Mohd Hassan
Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Pakar, CAST

Diluluskan oleh:



YBrs. Sr. Ratna Bt. Hj. Mahyuddin
Pengarah Kanan,
Cawangan Kontrak & Ukur Bahan